

29 JUL 2004  
LANGKAWI-UDANG  
LANGKAWI JADI PENGELUAR UDANG HARIMAU

Oleh: Zabidi Ishar

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Mungkin ramai yang tidak tahu Langkawi kini merupakan antara pengeluar udang harimau bermutu tinggi yang dipasarkan di rangkaian pasaraya terkemuka di Kuala Lumpur.

Mereka yang pernah memakannya memuji keenakan udang harimau Langkawi kerana kebaikan teknologi yang digunakan, tambahan pula dari awal hingga akhir proses penternakannya, tiada bahan kimia digunakan.

Udang harimau keluaran pulau lagenda ini bersaiz besar dengan setiap sekilo mengandungi antara 35 dan 40 ekor.

Justeru itu, udang Harimau Langkawi menerima permintaan tinggi daripada pasaraya besar seperti Carrefour, Jaya Jusco, pengusaha kedai makan dan restoran seluruh negara.

Berikutan itu, penternaknya, Sumber Nadi Alam, anak syarikat Marine Ventures Sdn Bhd (TMV) milik bumiputera akan membuka 20 buah kolam lagi, di samping 22 yang sedia ada di tapak projek ternakan di Bukit Malut, di sini.

Pengarah urusannya, Hashnoel Mushim memberitahu Bernama, syarikat itu menetapkan sasaran untuk mengeluarkan kira-kira 200 tan metrik setahun berbanding 150 tan metrik pada tahun lepas.

Menurutnya, ada permintaan untuk udang itu di Eropah dan Maldives tetapi setakat ini pihaknya tidak mampu memenuhi permintaan tersebut.

"Mungkin pada masa depan apabila bilangan kolam bertambah kami boleh berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, syarikat itu tidak menghadapi masalah mendapatkan benih udang harimau berikutan pembukaan pusat penetasan udang harimau di Bukit Malut bulan ini.

Pusat itu mampu menghasilkan tujuh juta benih udang harimau sebulan tetapi sebagai permulaan hanya empat juta dikeluarkan bagi kolamnya di Bukit Malut, katanya.

Kata beliau, syarikat itu dapat menjimatkan RM500,000 setahun

dengan  
terbinanya pusat penetasan yang berharga kira-kira RM600,000 itu  
kerana ia  
tidak perlu lagi membeli benih udang dari Pulau Pinang, Perak, Kedah  
dan  
Thailand.

"Kita juga sedia membantu mana-mana pihak termasuk pengusaha  
tempatan  
yang berhasrat mempelajari teknologi ternakan udang harimau yang  
kami ada,"  
katanya.

Kata Hashnoel, projek penternakan udang syarikatnya bermula  
dengan  
hanya lapan kolam dan kemudian ditambah secara berperingkat-  
peringkat  
sehingga menjadi 22 kolam, selaras dengan permintaan yang meningkat.

Menurutnya, beliau berhasrat menjadikan kawasan penternakan  
udang di  
Bukit Malut itu sebagai satu destinasi pelancongan pertanian.

Antara pembesar negara yang pernah mengunjungi kawasan itu  
setakat ini  
ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri  
Pertanian  
dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sementara itu, Pengurus kanan Jaya Jusco, Freddy Gui Hong Choon  
berkata, pihaknya sedia memasarkan lebih banyak udang di sembilan  
rangkaiannya terutama Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Baharu dan Melaka.

Katanya, sebagai permulaan, pasaraya itu memasarkan antara 200  
dan 300  
kilogram seminggu di enam rangkaianannya di Kuala Lumpur.

"Kami dapati udang harimau Langkawi bermutu tinggi setelah  
menjalankan  
kajian sebelum membelinya secara terus daripada kolam ternakan,"  
katanya.

-- BERNAMA

ZI ZS AM KY AA